

# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG


KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

04 APRIL 2019

KHAMIS



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
SINAR HARIAN	'MANA MUNGKIN PENGUSAHA PINDAH KILANG'	2
HARIAN METRO	KASIH PADA BANGSA JOHOR TAK PERNAH PUTUS	3



# SINAR HARIAN

## **'Mana mungkin pengusaha pindah kilang'**

JOHOR BAHRU - Naib Presiden Umno, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin sifatkan hasrat kerajaan negeri mahu memindahkan operasi kilang di Pasir Gudang ke tempat lain sebagai cadangan mundur dan tidak praktikal.

Menurutnya, mana mungkin kerajaan negeri memaksa pengusaha tersebut supaya berpindah kerana ia melibatkan kos yang sangat luar biasa tingginya.

"Keputusan yang diambil susulan pencemaran Sungai Kim Kim itu adalah contoh nyata betapa tersasar dan kelirunya pemikiran kerajaan negeri pimpinan Menteri Besar, Datuk Osman Sapian.

"Kenyataan beliau itu adalah contoh nyata bagaimana keputusan dasar kerajaan diumumkan tanpa kajian mendalam, sahih



MOHAMED KHALED

dan tepat," katanya kepada *Sinar Harian*.

Katanya, Pasir Gudang adalah sebuah lokasi strategik perindustrian yang telah menyumbang ratusan ribu peluang pekerjaan, sekali gus menjana pertumbuhan

ekonomi eksport Johor dan Malaysia.

Beliau berkata, tanpa Pasir Gudang, ratusan ribu lagi penduduk Johor akan ke Singapura mencari kehidupan di sana.

"Johor kemudiannya akan terus jadi laman belakang yang malap kepada Singapura yang semakin menyinga.


"Tidak dapat dibayangkan bagaimana Pasir Gudang tanpa kedinamikan industrinya dalam Johor yang semakin pudar dari radar kepesatan ekonomi negara," katanya.

Justeru, Mohamed Khaled berkata, adalah tidak adil meletakkan kesalahan kepada pemain industri di Pasir Gudang sedangkan kes pencemaran yang berlaku sebelum ini disebabkan oleh sikap tidak bertanggungjawab segelintir pengusaha.

*Sinar Harian @ 4/4/19*



# HARIAN METRO



## Kasih pada Bangsa Johor tak pernah putus

**Johor Bahru:** Kasih Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar dan keluarga diraja Johor terhadap Bangsa Johor tidak pernah putus yang sentiasa menggerakkan pelbagai inisiatif murni bagi membantu rakyat di negeri ini.

Komitmen Sultan Ibrahim dikongsikan Royal Press Office (RPO) menerusi laman Facebook (FB) rasmi, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar termasuk kesungguhan baginda melaksanakan Rumah Impian Bangsa Johor (RIBJ) dan Program Bangsa Johor Bahagia.

"Mengenali Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Johor, Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, baginda seorang raja yang amat prihatin terhadap kebijakan rakyatnya.

"Baginda Tuanku Sultan dan keluarga diraja Johor sentiasa menggerakkan pelbagai inisiatif murni bagi membantu rakyat antaranya Rumah Impian Bangsa Johor

(RIBJ) dan Program Bangsa Johor Bahagia," kata kenyataan itu dikongsikan semalam.

RIBJ adalah ilham Sultan Johor bagi memastikan rakyat dapat memiliki rumah sendiri pada harga yang mampu dimiliki.

Program Bangsa Johor Bahagia turut diilhamkan bersama Permaisuri Johor, Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah bertujuan membantu meningkatkan kualiti hidup golongan kurang kemampuan di bandar.

Ketika berlakunya tragedi pencemaran sisa kimia di Pasir Gudang, baru-baru ini hingga menjelaskan kesihatan ribuan rakyat, Sultan Johor dan keluarga diraja Johor antara awal memberikan reaksi pantas.

"Baginda berdua berkenan berangkat melawat mangsa yang ketika itu mendapatkan rawatan di Hospital Sultan Ismail (HSI)," katanya.

